

NO. SOALAN: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH [KALABAKAN]**

TARIKH : 11 MAC 2015

RUJUKAN : 7500

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan jangka panjang Kementerian dalam membanteras pencerobohan untuk tujuan berbagai jenayah seperti penyeludupan dan sebagainya yang masuk melalui sempadan Sebatik di Tawau.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) menyedari berlakunya aktiviti penyeludupan di Pulau Sebatik, Tawau, Sabah yang bersempadan dengan Indonesia. Sebagai langkah proaktif untuk mengekang aktiviti penyeludupan di kawasan berkenaan, PDRM telah merangka strategi dan melaksanakan tindakan untuk membanteras isu penyeludupan ini dengan membuat perancangan jangka pendek dan jangka panjang seperti berikut:-

- i) Mempertingkatkan hubungan kerjasama di peringkat antarabangsa dalam bertukar dan berkongsi maklumat risikan dengan Negara jiran.**

- ii) Membina Pos Keselamatan di Burs Point, Tawau, Sabah oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dengan nilai kos RM2.7 juta dan dijangka siap pada bulan Mei 2015. Penempatan Pos Keselamatan ini akan dikawal bersama PDRM dan ATM dengan kekuatan satu platun (30 orang) dalam satu masa. Dengan adanya pos keselamatan ini akan dapat mengawal pergerakan di sekitar sempadan negara supaya aktiviti-aktiviti haram dapat dibanteras.**

- iii) Kekuatan keanggotaan pos *Wallace Bay* yang sedia ada akan digandakan untuk mengawasi perairan Kuala Serudung dan Sungai Kalabakan di samping rondaan dari Pasukan Gerakan Am diteruskan dari Pengkalan Wallace Bay dan Pengkalan Marin Tawau, Sabah.
- iv) Mencadangkan hukuman yang lebih berat (*deterrent sentence*) ke atas penjenayah-penjenayah yang didapati bersalah menyeludup masuk atau keluar barangan dari Malaysia.
- v) Mempergiatkan lagi penerangan serta menggalakkan penyertaan masyarakat bagi membantu pihak berkuasa menangani masalah penyeludupan dengan memberikan kesedaran bahawa penyeludupan memberi impak yang besar kepada ekonomi dan keselamatan negara.
- vi) Kementerian Dalam Negeri dalam perancangan untuk memperluaskan Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) ke negeri Sabah dan Sarawak.

Dengan adanya langkah yang lebih drastik, diyakini masalah penyeludupan dapat dikurangkan dan sekaligus dapat mengurangkan kerugian kepada Kerajaan dalam kutipan cukai di samping mengawal penyeludupan barang merbahaya seperti senjata api dan dadah yang boleh mengugat keselamatan negara.